

Malaysia seruu membangun

UM 27 JAN 2003

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Malaysia menyeru negara-negara membangun serta yang cintakan keamanan agar bersatu bagi memberi tekanan yang kuat kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menghentikan rancangan Amerika Syarikat untuk (AS) menyerang Iraq.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia mahu agar PBB tidak membuat keputusan yang mengecewakan berhubung perkara itu.

Katanya, sebarang keputusan perlu dibuat sendiri oleh PBB berdasarkan laporan daripada pasukan penyiasat senjata badan dunia itu.

"Ini bukanlah masanya untuk mengisytiharkan perang ke atas Iraq. Jika benar sekalipun terdapat senjata (nuklear) di Iraq, kita kena pastikan bahawa perang mesti dielakkan daripada berlaku," katanya selepas melancarkan kempen sejuta tanda-tangan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) di Pasar Seni, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa pasukan penyiasat senjata badan dunia itu akan menyerahkan laporan siasatan mereka kepada PBB esok.

Katanya, Malaysia kecewa dengan tindakan kuasa-kuasa besar yang ingin membuat keputusan sendiri jika badan dunia itu enggan membuat keputusan berhubung perang ke atas Iraq.

Menurut beliau, sebarang tindakan awalan yang dibuat sebelum laporan daripada pasukan penyiasat itu diperolehi akan me-



People's Alliance For Peace Malaysia
Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia

rendahkan kredibiliti dan integriti PBB.

"Malaysia tidak menyokong perang kerana ia membawa banyak masalah bukan sahaja kepada Iraq malah seluruh dunia," tegasnya.

Beliau berkata, untuk menghentikan peperangan ke atas Iraq, negara-negara membangun juga perlu memberi sokongan padu kepada negara-negara Eropah terutama Perancis dan Jerman yang menentang kuat hasrat kuasa-kuasa besar untuk memerangi Iraq.

Menurut beliau, negara-negara membangun perlu melihat kepada Eropah kerana mereka lebih tegas serta mempunyai integriti yang kuat bagi memastikan kuasa-kuasa besar tidak mengambil tindakan sewenang-wenangnya terhadap negara lain.

Syed Hamid memberitahu, bantahan daripada Perancis dan Jerman itu bukan bertujuan untuk menunjukkan bahawa suara mereka lantang, tetapi ia berasaskan keadilan sejagat dan atas tujuan menghentikan peperangan.

"Jika cara itu dapat selesai masalah kita perlu beri sokongan kepada Perancis dan Jerman," tegasnya lagi.

Mengenai usaha Aman Malaysia, katanya beliau percaya usaha mereka untuk mendapatkan sejuta tanda tangan bagi menyokong usaha menghentikan

negara bersatu

peperangan ke atas Iraq akan tercapai sedikit masa lagi.

Katanya, tandatangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada majlis kemuncak kempen itu iaitu perhimpunan raksasa di Dataran Merdeka pada 23 Februari depan untuk disuarakan di peringkat antarabangsa.

Katanya, sebagai pemimpin yang disegani, pandangan rakyat Malaysia berhubung isu peperangan ke atas Iraq yang disuarakan melalui Perdana Menteri tidak akan dipandang rendah oleh dunia.